

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: TRANSKRIP TEMURAMAH, DALAM RANCANGAN EHWAL SEMASA, RTM

TEMPAT: DALAM RANCANGAN EHWAL SEMASA, RTM

TARIKH: 04 SEP 1984

MASA:

Ahli-ahli Panel terdiri daripada:

2. Prof. Nik Abdul Rashid - Pengarah ITM  
Kumpulan

Akhbar Utusan Melayu

En. Salleh : Bolehkah YAB menerangkan kenapa pindaan-pindaan Pateh Akhir Akta Civil ini diadakan pada masa ini?

Y.A.B. PM : Pindaan Akta Civil ini dibuat kerana kepentingan

rakyat keseluruhannya, tidak kerana kepentingan mana-mana satu golongan. Kita dapati bahawa memanglah baik kalau kita dibayar pampasan yang tinggi berkenaan dengan sesuatu kemalangan yang berlaku kepada kita. Tetapi harus juga kita ingat bahawa pampasan ini bukan diberi percuma. Ianya mestilah dibiayai oleh premium kepada insuran kompeni dan sebagainya. Jadi kalau kita hendak kepada pampasan yang banyak, maka premium juga akhirnya akan ditingkatkan. Kita harus ingat bahawa insuran kompeni tidak wujud kerana charity, kerana sengaja untuk memberi wang kepada kita. Ianya wujud sebagai satu badan perniagaan dan ia terpaksa mendapat keuntungan. Jika ianya rugi saya yakin ianya tidak akan wujud. Jadi kalau kita membiasakan dengan pampasan yang tinggi, lama kelamaan dia akan tuntutan premium yang lebih tinggi, yang mana premium yang lebih tinggi ini sudah tentu akan menyusahkan mereka yang berpendapatan rendah. Dalam bidang insuran motorkar umpamanya, dahulu insuran premiumnya murah tetapi kerana selalu sangat belanggar dan pihak insuran terpaksa membayar pampasan yang tinggi, maka mereka menuntut supaya dibayar premium yang lebih tinggi. Begitu juga tiap kali diadakan insuran berkenaan dengan apa-apa, peringkat ataupun tingginya premium itu bergantung kepada banyak

mana pampasan yang perlu diberi kepada orang yang menuntut. Saya ingin menjelaskan keadaan, umpamanya di Amerika Syarikat, yang mana dakwaan untuk mendapat pampasan ini menjadi satu kebiasaan. Kalau kita pergi ke rumah kawan, dan kita terjatuh di rumah kawan, maka kita akan dakwa kawan itu kerana kita sudah patah kaki, jatuh dirumahnya dan dianya terpaksa membayar. Jadi dalam keadaan yang semacam itu dia mesti cover dirinya. Begitu juga doktor di sana. Kalau doktor itu dapati seorang yang sakit, dia membuat pemeriksaan yang pada dirinya mencukupi, tetapi akhirnya sesuatu berlaku dan si pesakit mendakwa bahawa doktor itu tidak membuat pemeriksaan yang sepenuhnya. Jadi kerana ini menjadi satu tabiat di sana, maka sekarang ini doktor-doktor di sana membuat pemeriksaan yang menyeluruh supaya tidak ada satu pun yang tertinggal. Tetapi pemeriksaan yang dibuat banyak-banyak ini bukannya percuma. Pesakit mesti membayar. Biasa berlaku kepada seorang daripada kakitangan kita, di Kedutaan kita di Washington. Ada seorang pekerja yang diambil, rakyat Malaysia, yang diambil bekerja di situ sebagai local staff. Dianya luka dijari, dan dihantarkan ke doktor. Doktor membuat pemeriksaan, macam-macam pemeriksaan dibuat. Akhirnya dia menerima bil sebanyak 80 ribu ringgit duit Malaysia. Dia tidak mampu bayar. Doktor itu membuat pemeriksaan bukan kerana kepentingan pesakit, tetapi kerana menjaga kepentingan dirinya. Kalau dia hendak didakwa ke Mahkamah, dia cukup coverage, semua sudah dibuat. Jadi kalau kita menjadi satu society yang litigious, yang miskin yang akan rugi. Syarikat insuran akan menaikkan premium kerana terpaksa membayar wang banyak. Sebab itu untuk menjaga kepentingan yang miskin, kita mesti tentukan supaya pampasan yang dibayar ini adalah berpatutan. Kalau boleh rendah, supaya premium itu rendah.

Prof. Nik : Kalau kita lihat 10 ribu ringgit sebagai pampasan Abdul Rashid dalam tahun 80-an, saya rasa amat rendah sekali walaupun Yang Di-Pertuan Agong ada kuasa untuk mewartakan jumlah yang diberi itu lebih tinggi. Namun demikian kenapa tidak 25 ribu ringgit, atau 50 ribu

ringgit?

Y.A.B. PM : Sepuluh ribu ringgit bagi saya barangkali agak

kecil, lebih sedikit daripada gaji saya sebulan. Jadi bagi saya mungkin tak bermakna tetapi bagi orang yang bergaji rendah, 10 ribu ringgit banyak juga. Kalau kita naikkan 25 ribu ringgit ataupun 100 ribu, 200 ribu, bukan pampasan sahaja naik. Premium juga mesti naik. Jadi dia kena bayar awal-awal lagi, ataupun syarikat dia kena bayar, yang mana setiap kali ada pembayaran ini pekerja juga akan rugi, dan orang ramai juga mesti membayar kos yang lebih kerana dimasukkan premium ini kepada kos membuat sesuatu kerja. Katalah dalam satu faktori dia kena membayar premium yang tinggi. Kalau premiumnya tinggi, dia akan dikenakan harga yang tinggi juga kepada barangnya. Kalau kita hendak lebih ada peruntukan di dalam undang-undang itu supaya dilebihkan. Yang diPertuan Agong boleh melebihi kepada 25 ribu, 100 ribu, atau 2 juta. Itu kita boleh buat. Itu bukan menjadi masalah, tetapi pada prinsipnya kita hendak menjaga kepentingan orang yang miskin, supaya mereka tidak dikenakan bayaran premium yang terlalu tinggi.

En. Zainuddin : Dato Seri, tadi dalam jawapan Dato Seri, Maidin seolah-olah membayangkan bahawa industri insuran

kita mengalami kerugian. Apakah nanti pindaan ini mungkin perlu dibuat. Jadi ada juga timbul anggapan bahawa Kerajaan in favour kepada industri insuran.

Tetapi kalau kita tengok dari laporan-laporan Pengarah Insuran 1983, menunjukkan bahawa keadaan adalah baik dalam perusahaan insuran dari 1978-1982. Jadi orang ramai barangkali tidak mengerti mengapa Kerajaan harus memperkenalkan satu pindaan undang-undang, yang akan menetapkan kadar bayaran yang pihak insuran akan tahu berapa yang ia kena bayar. Jadi tidak ada element of risk di situ.

Y.A.B. PM : Sekali lagi saya ingin menjelaskan bahawa insuran

company menentukan setakat mana risks yang ditanggung kerana mereka mempunyai actuary yang boleh membuat perkiraan average, bayaran yang dikenakan sebagai premium untuk cover sesuatu keadaan. Jadi kalau dia tidak boleh berbuat

begitu, dia tidak boleh tahu banyak mana premium yang hendak dikenakan. Mungkin sekarang ini dia untung dan kalau dia untung dia mungkin tidak menaikkan premium. Tetapi kita sudah lihat satu trend membayar pampasan yang cukup tinggi, umpamanya dalam satu kes yang berlaku di dalam negara kita pampasan sebanyak dua juta ditetapkan untuk seorang. Dan selepas itu ada appeal, tidak dapatlah dua juta. Tetapi kalau trend untuk membayar berjuta-juta ini meningkat, pihak insuran akan menaikkan premium. Dia tidak akan tanggung kerugian. Kerana kita hendak dua juta. Dia satu badan perniagaan. Kalau kita berpendapat bahawa keuntungannya terlalu tinggi mungkin kita desakan supaya dikurangkan premium, tetapi kita kena tahu juga asas-asas yang dikenakan bagi premium ini. Bukan boleh begitu sahaja kita katakan kerana awak sudah untung terlalu banyak patut dikurangkan premium.

Prof. Nik : Satu lagi Dato, iaitu dahulu pihak hakim diberikan Abdul Rashid discretionnya sendiri untuk menetapkan berapa wang yang dibagi, tetapi dengan diperkenalkan undang-undang ini kita menghalang pihak hakim daripada menggunakan budibicaranya sendiri. Tidakkah ini seolah-oleh mempersoalkan kemampuan hakim. Kalau insurans boleh membuat appeal di mahkamah. Mengapa perlu ditentukan kepada hakim, ditarik balik kebebasan yang ada pada hakim?

Y.A.B. PM : Tetapi, sebenarnya ini bukan pertama kali kita

menentukan satu-satu had untuk sesuatu perkara. Hukuman yang boleh dijatuhkan oleh Hakim memang terhad. Dalam sekian-sekian jenayah, hukumannya sekian-sekian. Tidak boleh lebih daripada itu. Kebebasannya terhad kepada apa yang telah ditentukan oleh undang-undang. Dalam jenayah ini, umpamanya 10 tahun, jenayah ini 15 tahun, jenayah ini 20 tahun atau seumur hidup. Ada jenayah yang dikenakan hukuman mati dan dianya (hakim) tidak boleh mengelak daripada menjatuhkan hukuman itu, walaupun dia tidak suka hendak menjatuhkan hukuman itu. Jadi soal menentukan kebebasan hakim ini setakat mana bukan perkara baru. Memang ada dalam semua undang-undang. Hakim cuma bebas mengikut undang-undang yang

telah ditetapkan. Kita yang bertanggungjawab terhadap kepentingan negara, dan kita tidak boleh pandang kepada satu case dalam court sahaja. Kita mesti pandang menyeluruh, bukan kepada orang yang mendapat pampasan tetapi orang yang membayar premium, yang lebih ramai daripada yang akan dapat pampasan. Pampasan itu didapati oleh seseorang hasil daripada bayaran premium oleh ramai orang. Jadi orang-orang inilah yang akan menanggung, bukannya insuran komperi. Oleh itu kita patut ingat. Kita kena jaga yang ramai ini. Kerana satu orang yang patah kaki dan dia hendak dapat 3 juta, yang 300 atau 400 lagi mesti membayar premium untuk dibayar kepada seorang itu tadi. Nasib yang banyak ini, yang tidak akan patah kaki, teruklah mereka sedikit. Mereka kena tanggung beban yang seorang ini. En. Zainuddin : Tetapi begitu juga pihak insuran dapat Maidin mengumpulkan wang dan jika tiada bayaran yang

besar dia tidak semestinya membayar kepada setiap orang. Tuntutan hanya sekali sekala sahaja berlaku?

Y.A.B. PM : Ya, tuntutan sekali sekala sahaja berlaku. Kalau

tuntutan berlaku tiap kali maka dia akan dikenakan premium yang lebih tinggi. Kalau semua orang yang membayar insuran premium sebanyak katalah 10 ringgit, semuanya menuntut 100 ringgit, tutuplah syarikat insuran. Kerana average ini, kita tahu averagenya, maka insuran company dapat menetapkan banyak mana premium. Tetapi kalau averagenya meningkat, katalah di Malaysia ini kerana banyak sangat accidents on the road, premium kita tinggi. Di negeri di mana road accidents rendah insuran company berlumba-lumba sesama mereka. Mereka hendak duit juga. Bukan satu insuran company, banyak insuran company. Mereka berlumba-lumba hendakkan duit, jadi mereka terpaksa turunkan premium. Kita tahu kalau insuran company hendak ambil insuran nyawa, umpamanya, mereka menawarkan macam-macam kepada kita, discount, itu dan ini kerana ada perlumbaan. Jadi premium itu turun kerana perlumbaan.

En. Salleh : Adakah semua pihak yang berkenaan dirujuk sebelum

Pateh Akhir undang-undang ini digubal?

Y.A.B. PM : Ini adalah satu perkara yang telah saya

sebutkan dalam satu Law Conference pada tahun 1983. Saya berkata dalam satu jamuan yang diadakan oleh conference itu bahawa kalau kita menjadi satu litigious society, iaitu satu society yang sering mendakwa untuk mendapat pampasan, maka kesan buruk akan berlaku kepada kita seperti yang terjadi di negara-negara lain di mana kalau seseorang, katalah jatuh atas jalan, tiada siapa yang menolongnya, kerana sesiapa yang menolong mungkin didakwa, kerana pertolongannya itu membawa kepada keburukan. Sehingga ada di negeri-negeri yang mana doktor sendiri tidak mahu menolong sesiapa, melainkan dianya dijemput untuk menolong. Jikalau kita jadi satu masyarakat yang sedemikian masyarakat yang miskin yang akan menjadi buruk bukan orang yang ada duit.

Prof. Nik : Kalau kita baca akhbar sejak akhir-akhir ini, dan Abdul Rashid minggu lepas Lat ada membuat satu kartun dalam Strait Times, kebanyakan daripada mereka yang menulis dalam akhbar itu berpendapat bahawa rang undang-undang sekarang ini terlampau gopoh gapah dilulus oleh parlimen. Selalunya dirahsiakan dahulu, sampai dekat nak diluluskan barulah didebat. Dalam masa dua hari sahaja benda ini diluluskan. Betulkah begitu Dato Seri?

Y.A.B. PM : Sebenarnya standing order yang diberi ialah

supaya sesuatu rang undang-undang itu disebut pada kali yang pertamanya sekian lama sebelum ianya dibahas. Biasa juga terjadi yang mana disebut di dalam satu sesi, dan dibahas kali kedua dan ketiga dalam sesi yang lain. Tetapi kadang-kadang berkenaan dengan setengah-setengah rang undang-undang yang mana kita tidak mempunyai masa, kerana sesuatu sebab ataupun kerana penghujung tahun yang mana kita tidak boleh bawa kepada sesi yang lain, ia dibahas dalam satu sitting sahaja. Tetapi dalam sitting itupun wakil rakyat samada daripada parti Kerajaan ataupun pembangkang boleh membahas dengan secukup-cukupnya. Kalau mereka berminat tidak ada halangan tentang perbahasan.

Prof. Nik : Tidakkah boleh, Dato Seri, rang Abdul Rashid undang-undang yang controversial, umpamanya, tidak dirahsiakan,

disebarkan kepada umum dahulu, tengok reaksi daripada rakyat umum, contra dan pro, dan kemudian dibincangkan. Saya rasa kita akan dapat pendapat umum lebih banyak daripada apa yang dibincangkan dalam Parlimen sekarang.

Y.A.B. PM : Rang undang-undang itu sendiri patut dibahaskan

oleh ahli-ahli dalam Dewan. Kalau sesuatu tajuk itu hendak dibahas, itu soal lain. Itu boleh dibahas.

Sebenarnya tajuk itu telah saya sebutkan setahun dahulu. Tetapi rang undang-undang itu adalah untuk dibahas oleh Dewan sendiri. Kita mengadakan Dewan sebagai perwakilan kepada rakyat. Kalau kita membahasnya dalam surat khabar atau di mana-mana forum, tidak dapat diadakan keputusan. Kerana dalam perbahasan sedemikian biasanya ada bermacam-macam pendapat yang akan dikemukakan, yang mungkin dipengaruhi oleh emosi dan kurang pengetahuan tentang tajuk itu dan kita tidak boleh dapat keputusan berkenaan dengan apa sesuatu undang-undang pun, kerana semua undang-undang ada sahaja yang tidak bersetuju. Tambah-tambah lagi kadang-kadang undang-undang yang Kerajaan berasa terpaksa diadakan demi kebaikan, tetapi secara popular ianya tidak boleh diterima. Umpamanya, kalau kita kata kita hendak naikkan cukai, siapa yang hendak terima kenaikan cukai. Tetapi walaupun tidak popular, Kerajaan sedar bahawa cukai itu perlu dipunggut. Jadi kita tidak boleh ada perbahasan luar daripada Dewan. Tetapi tajuknya boleh dibahas oleh sesiapa, tidak ada larangan.

En. Zainuddin : Berhubung dengan pindaan, sepertimana Maidin yang disebutkan oleh Prof Nik tadi,

pihak-pihak yang berkenaan telah tidak diberitahu terutama sekali yang sensitif dalam perkara ini ialah pihak Bar Council. Dan selain daripada itu pindaan ini adalah yang kena mengena atau terlibat secara langsung dengan orang ramai. Kemudian kalangan undang-undang berpendapat bahawa pindaan ini dibuat berdasarkan kepada English amendment. Jadi ini juga menimbulkan persoalan. Kenapa kita satu negara yang masih muda berbanding dengan perundangan British yang tua, dan kita belum ada satu precedent yang mematutkan kita kepada pindaan ini. Jadi kenapa

Kerajaan memikirkan bahawa perkara ini perlu?

Y.A.B. PM : Sebenarnya ia tidak kena mengena dengan apa yang

British buat. Saya hari inilah baru mendengar

mengenai British ini. Tetapi barangkali ada menteri-menteri lain yang memberi explanation berkenaan dengan perkara ini. Tetapi seperti mana saya katakan, saya yang mulanya menyatakan betapa pentingnya kita mengadakan satu undang-undang berkenaan perkara ini, setahun dahulu. Jadi pihak yang berkenaan, seperti peguam-peguam dan juga consumers association, mereka boleh membahaskan tajuk itu. Kita menyebut kerana kita memang ada hasrat membuat sesuatu untuk membendung satu keadaan yang tidak diinginkan. Dan kita merancang undang-undang itu kerana kita telah lihat apa yang telah berlaku di negara asing yang mana keadaan amat buruk. Umpamanya kalau, saudara Zam pergi ke Amerika, sakit tengah malam, panggil doktor, doktor tidak akan datang. Kerana bagi dia, bahaya bagi diri dia. Yang utama ialah diri dia, bukan pesakit. Pesakit kalau hendak mesti datang sendiri. Sebab itu di sana diadakan emergency force dan sebagainya, kerana pertolongan daripada doktor private tidak mungkin dapat. Di sini kerana kita tidak selalu sangat sue doktor, jadi dia sanggup mengambil risk untuk menolong. Dia tahu kalau dia tersilap sedikit yang tidak disengajakan, dia tidak akan didakwa di mahkamah. Begitu juga kalau kita tengok seseorang jatuh di tepi jalan, kita memberi pertolongan, kerana kita tahu dia akan berterima kasih kepada kita. Di dalam masyarakat yang suka sue ataupun mendakwa ke mahkamah, orang tidak akan memberi pertolongan. Jadi masyarakat itu akan jadi buruk. Biasa terjadi seorang jatuh, semua orang menengok sahaja dan tidak menolong. Kalau kita tolong, katalah kita ubah tangannya, esuk dia boleh sue balik, dengan berkata kerana kita ubah tangannya maka tangannya yang patah itu menjadi lebih buruk lagi. Sekarang ini di Amerika Syarikat terdapat whiplash. Jadi apa sedikit pun kerana sebab whiplash, iaitu kerana terkejut, itu telah membawa kemudaratan kepada

dirinya. Dan dia boleh sue sesiapa, yang membuat sesuatu yang mengejutkannya. Ini sudah jadi satu masyarakat yang cuma nampak kepada berapa banyakkah duit yang saya boleh dapat kalau saya sue. Kita tidak hendak masyarakat kita menjadi semacam itu.

En. Salleh : Kita pindah kepada topik satu lagi iaitu Pateh Akhir Tol di Johor, di mana nampaknya ada percanggahan pendapat di antara Kerajaan pusat dengan kerajaan negeri. Apa pendapat Dato Seri?

Y.A.B. PM : Sebenarnya tidak ada percanggahan pendapat antara kerajaan pusat dengan Kerajaan negeri. Saya sendiri membincang dengan Datuk Ajib dan dia bersetuju supaya diadakan tol. Dia tidak membangkang. Mungkin dia berasa tersinggung sedikit kerana kata-kata yang pada pendapatnya tidak begitu sedap. Tetapi sebenarnya dia tidak membangkang dan dia sedar bahawa tol itu mesti dikenakan. Tol ini walaupun kita kutip ianya tidak mencukupi untuk membiayai perbelanjaan untuk mengadakan jalan dan sebagainya bagi kemudahan mereka yang menggunakan jalanraya. Kalau saya boleh melangsunokan sedikit, kita dalam anggaran tahun 1980 percaya bahawa kita perlu belanja 6 ribu juta ringgit untuk mengadakan satu expressway dari Bukit Kayu Hitam sehingga ke Johor Bahru. Kalau kita pungut tol mengikut paras yang kita pungut sekarang ini, dalam jangka masa 40 tahun barulah mungkin dapat kita kutip 6 ribu juta. Dan tidak ada sesiapa pun yang sanggup membena jalan ini dari bayaran tol kerana tol yang kita kutip itu sedikit sangat berbanding dengan perbelanjaan yang sebenarnya. Mengenai causeway, kita sudah belanja berjuta ringgit. Sebab itu kita perlu adakan kutipan kerana kita mesti cari jalan untuk mengadakan satu cara linkage antara Singapura dengan Malaysia yang boleh meringankan sedikit kesesakan lalulintas di causeway. Di manakah kita hendak dapat duit kalau kita tidak mengadakan tol. Kalau kita suruh private sector buat, dia mesti mengadakan tol.

Prof. Nik : Dato Seri, ada ura-ura iaitu kalau kita Abdul Rashid built-in dalam petroleum tax itu, kita masukkan umpamanya tiga sen satu liter, bukankah itu lebih mudah. Siapa yang membeli minyak itu

mestilah dia menggunakan jalanraya,  
tidak kira lebuhraya atau jalan raya.  
Bukankah ini lebih mudah?

Y.A.B. PM : Lebih mudah, ya. Sekarang ini pun sudah  
ada  
cukai.

Prof. Nik : Yang hendak dikenakan tol itu dimasukkan  
dalam

Abdul Rashid petroleum tax?

Y.A.B. PM : Tetapi malangnya, orang yang tidak  
menggunakan

expressway ini pun kena bayar juga.

Prof. Nik : Tapi masih menggunakan jalan.

Abdul Rashid

Y.A.B. PM : Dia gunakan jalan. Katakanlah dia  
gunakan

motokarnya untuk pergi ke pejabat  
sahaja, satu jalan yang pendek, yang  
dekat, tetapi dia jalan dalam bandar  
yang mana menggunakan lebih banyak  
minyak lagi daripada perjalanan jauh.

Kutipan itu kalau kita tambah pun tidak  
cukup juga, dan expressway ini digunakan  
oleh sebilangan kecil orang sahaja.

Bukan semua orang hendak gunakan  
expressway ini. Jadi orang yang hendak  
gunakannyalah yang patut bayar. Tetapi  
kalau rakyat sanggup, kita boleh naikkan  
cukai tetapi jangan bising. Kita  
kenakan cukai ke atas minyak, semua  
orang bising. Kenapa kena bayar cukai?  
Tetapi dari manakah kita hendak biayai  
jalan-jalan ini? Sebaliknya kalau  
(rakyat) hendak, Kerajaan akan hentikan  
pembinaan semua espressway. Tetapi  
jangan gaduh kalau kita hendak jalan  
tidak boleh kerana jalan sesak.

Bilangan kereta sekarang sudah meningkat  
dengan begitu pesat tetapi jalan kita  
masih jalan pre-war.

En. Zainuddin : Dato Seri orang ramai barangkali faham  
Maidin dengan kehendak Kerajaan. Orang ramai  
pun telah membayar

cukai jalan. Walaupun dinaikkan, mereka  
bising kemudian terima dan bayar juga.  
Tetapi harapan orang ramai ialah seperti  
yang diyakinkan oleh Perdana Menteri  
sendiri ialah untuk mendapatkan jalan  
raya yang baik. Masalahnya ialah orang  
ramai tidak begitu yakin dengan soal ini  
kerana terbukti jalan-jalan raya yang  
dibina itu, umpamanya expressway dari  
Kuala Lumpur-Seremban, jalan Timur  
Barat, jalan itu runtuh, rosak dan  
sebagainya. Jadi apakah jaminan kalau  
kerajaan mengenakan tol ini, apakah  
boleh kita anggap sebagai satu jaminan

kita akan dapat satu jalan raya yang betul-betul baik, yang tidak akan runtuh dan sebagainya?

Y.A.B. PM : Sekali lagi kalau hendak jaminan, kita mestilah

bayar premium yang tinggi. Pendek kata, jalan ini mengalami kerosakan kerana kita cuba mengurangkan perbelanjaan. Sebenarnya East-West highway sepatutnya dibina bukan cara yang dibina sekarang ini iaitu kita memotong bukit dan kita membina jalan di tepi-tepi bukit. Sepatutnya diadakan satu jambatan masuk ke dalam gua, selepas itu menyeberang satu lagi lembah melalui jambatan, masuk ke dalam gua lagi, barulah boleh kita adakan jalan yang cukup kemas, yang tidak akan runtuh dengan mudah. Tetapi perbelanjaan untuk jalan seperti ini mungkin tiga kali ganda daripada yang kita belanjakan sekarang ini. Jadi oleh kerana hendak menjaga kos, kerana kutipan kita tidak banyak, kita terpaksa membuat jalan dengan cara yang tidak begitu baik. Sebenarnya saya ingin menarik perhatian iaitu di Jepun, mereka membayar hampir tiga puluh sen satu batu untuk jalan expressway, dan mereka mempunyai lebih kurang 80 juta kereta. Di negeri kita, kereta tidak berapa banyak. Sekarang ini kita membayar daripada Seremban ke Kuala Lumpur, cuma lebih kurang 2 atau 3 sen sebatu sahaja. Jadi mustahil kita dapat mengutip wang yang cukup untuk membina jalan yang betul-betul first class. Dalam pada itu pun, ada pula nasihat daripada badan-badan perunding yang lain supaya kita tidak bina dengan harga yang terlalu tinggi untuk menjimatkan perbelanjaan.

Prof. Nik : Dato Seri, suka saya menjelaskan Abdul Rashid sedikit. Sekarang Kerajaan hendak sangat kutip tol tapi manakala Tol di jambatan Kelantan dahulu dikenakan, selepas kerajaan Barisan Nasional menang, malam itu juga dihapuskan. Bukankah sepatutnya tol itu diteruskan?

Y.A.B. PM : Itu dibuat satu zaman dahulu yang mana kita tidak

kutip tol di mana-mana jalan melainkan barangkali di Slim River sahaja. Dahulu tujuan kutipan tol itu ialah supaya apabila kita dapat balek belanja kita, maka kita boleh berhentikan bayaran tol. Dan perbelanjaan untuk membina jalan

pada ketika itu tidak begitu tinggi dan sebenarnya selepas beberapa tahun kutipan tol itu cukup untuk mendapatkan balik modal yang kita keluarkan. Sebenarnya, kita sudahpun mendapat balik modal dari kutipan tol di jambatan itu. Jadi tidak patutlah kita kenakan tol lagi. Pada mulanya kita kenakan tol dan kita berjanji, kalau kita dapat balik modal tidak payah lagi tol.

En. Salleh : Kita beraleh pula kepada satu topik Pateh Akhir ia-itu Papan, mana ada kontroversi mengenai simpanan bahan nuklear. Apa keadaan sekarang?

Y.A.B. PM : Keadaan sekarang ini ialah kita cuba mendapatkan

maklumat daripada pakar-pakar yang terkenal di dunia, sama ada persediaan yang kita buat itu mencukupi untuk melindungi penduduk di situ daripada bahaya radiation. Hakikat yang kita perlu ingat ialah kita tidak boleh elak dari radiation. Sekarang ini kita tahu bahawa kalau kita duduk dalam panas tengahari pun, kita dapat radiation juga yang boleh menyebabkan skin cancer. Tetapi kita harus cari jalan untuk mengelak. Sebab itu kita tidak menjemor badan dalam panas, kalau kita tidak begitu tahan dengan panas. Begitu juga dengan kes radiation ini. Oleh kerana radiation mesti ada, tugas kita ialah membendung radiation ini. Itulah sebabnya yang kita mengadakan pembinaan seperti simin dan menggunakan bahan-bahan yang boleh melindungi rakyat daripada radiation. Tetapi ada pihak yang mengatakan bahawa mereka tidak puas hati bahawa ini memberi perlindungan. Kalau tidak puashati, kita akan siasat supaya kita dapat melipatgandakan cara-cara melindungi itu. Itu sahaja yang kita boleh buat. Kita tidak boleh kata kerana radiation itu bahaya, maka kita mesti hentikan segala kegiatan yang boleh membawa kepada radiation. Kalau begitu, kita tidak boleh ada radiologi, kita tidak boleh ada x-ray, kita tidak boleh ada industri 'amang' atau ilmenite dan macam-macam lagi. Bahkan dalam proses menapis untuk mendapatkan tin atau bijih timah, terdapat juga sedikit sebanyak radiation.

En. Zainuddin : Dalam soal ini Dato Seri, saya nampak Kerajaan

Maidin sensitif kepada reaksi rakyat, tetapi kerajaan

sendiri barangkali tidak begitu sensitif terhadap isu-isu yang mungkin akan menimbulkan, menyentuh perasaan rakyat. Jadi itulah masalah yang timbul, kontroversi dan sebagainya. Sepatutnya pada pandangan orang ramai dan juga pada pandangan berbagai pihak ialah perkara ini sangat sensitif kepada orang ramai tetapi tidak ada penerangan terlebih dahulu daripada pihak Kerajaan kepada orang ramai dalam soal ini. Kenapa berlaku seperti itu?

Y.A.B. PM Ini apa yang dikatakan dalam bahasa Inggeris, 'We

are wise after the event' selepas benda itu berlaku baru kita tahu bahawa dianya sensitif. Setahunya kita dianya tidak sensitif kerana segala tindakan telah diambil. Tetapi ada pihak-pihak tertentu yang sengaja menjadikan ini sebagai isu yang kontroversial kerana kepentingan lain. Tidak sebenarnya kerana menjaga kepentingan penduduk Papan, ataupun dalam lain-lain isu menjaga kepentingan orang lain. Orang ini sudah menjadikan diri mereka sebagai professional opposition kepada tiap satu yang dibuat oleh Kerajaan, untuk menunjukkan bahawa Kerajaan ini tidak ada sensitiviti terhadap perasaan rakyat. Walhal saya yakin boleh dikatakan tidak ramai daripada penduduk Papan itu faham apa dianya radiation. Bukanlah saya kata mereka itu bodoh, tetapi tidak ramai daripada kita yang faham berkenaan dengan radiation. Lama sudah kita kena radiation ini. Dahulu banyak doktor umpamanya, termasuk saya sendiri, mempunyai x-ray equipment yang semua orang terima sebagai satu alat yang baik. Tetapi sekarang ini x-ray equipment yang kita gunakan itu dikatakan bahaya. Jadi kita dismantle, kerana dikatakan bahaya. Tetapi pada mulanya tidak dikatakan bahaya. Kerana ada orang lain datang untuk menjadikan isu, ia menjadi isu. Itu sahaja.

Prof. Nik Boleh saya sentuh sedikit tentang Abdul Rashid kebebasan akhbar. Pada saya, nampaknya sekarang ini akhbar itu ada dua, pertama sekali akhbar itu terlampau bebas, ada yang menggunakan soal-soal sex umpamanya untuk menerbitkan majalah mingguan dan sebagainya dan ini membahayakan jenerasi muda kita. Dan ada kalanya pula, ada yang mengatakan kerajaan terlalu banyak

menyekat. Bagaimana pendapat Dato Seri tentang hal ini?

Y.A.B. PM : Kerajaan sebenarnya berada dalam keadaan serba

salah. Pada mulanya apabila saya mengambil alih sebagai Perdana Menteri saya berpendapat bahawa kita perlu memberi kebebasan kepada akhbar-akhbar, dan saya telah menjemput semua editors, termasuk saya fikir Sdr. Zam bersama, dan saya menerangkan supaya diadakan column dalam surat akhbar untuk mengkritik Kerajaan untuk menimbulkan isu-isu yang perlu mendapat perhatian daripada Kerajaan. Dan juga kita berpendapat bahawa kita akan memberi KDN atau kebenaran untuk mencetak akhbar ini secara lebih liberal. Kalau dahulu begitu sukar sekali mendapat KDN, sekarang ini siapa juga yang meminta dapat KDN. Tetapi kita dapati bahawa kebebasan yang diberi ini kadang-kadang disalahgunakan oleh setengah-setengah akhbar. Ada yang membawa isu perkauman, ada yang membawa isu sex, ada yang sengaja melaga-lagakan satu pihak dengan pihak yang lain dengan bertanya kepada satu pihak dan apabila diberi jawapan, telefon pula pihak lain dan mengatakan bahawa pihak ini sudah berkata demikian, apa komen awak?

Soalan Hendak cari makan.

Y.A.B. PM Ialah tetapi kita kenalah bertanggungjawab juga kepada masyarakat. Kalau kita timbulkan perkara-perkara yang menjadikan keadaan masyarakat tidak begitu tenang, akhirnya kita yang akan menanggung beban. Jadi kita berharaplah supaya kebebasan ini digunakan secara bertanggungjawab.

En. Zainuddin : Adakah kerajaan tidak begitu senang Maidin dengan peranan-peranan akhbar yang sudah established dalam menjalankan tugas mereka kepada rakyat. Dan bagaimanakah seharusnya akhbar-akhbar ini dapat mengekalkan credibilitynya supaya terus dibaca dan tidak dianggap hanya sebagai satu organ parti dan sebagainya?.

Y.A.B. PM Saya dapati sejak kita memberi banyak KDN ini,

banyak akhbar wujud. Maka akhbar-akhbar yang baru ini kerana ingin mendapat pasaran telah membawa isu-isu yang controversial ataupun yang dijadikan controversial seperti isu bangsa, bahasa, isu-isu tertentu dan bermacam-macam lagi. Dalam keadaan ini

saya dapati kadang-kadang akhbar yang sudah establish ini, merasakan diri mereka terancam dan kalau mereka menjadi orang yang bertanggungjawab mungkin market-share mereka akan berkurangan. Jadi saya nampak dan mungkin saya tidak betul, seolah-olah yang establish ini juga hendak turut cara yang baru muncul ini, yang menggunakan isu-isu sensitif untuk kepentingan pasaran mereka. Saya harap ini tidak berlaku.